

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah peruntukan akan dibagi untuk Pilihan Raya Sarawak yang akan datang.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos bagi pelaksanaan Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak yang ke-12 adalah berjumlah RM150 juta yang merangkumi perolehan peralatan pilihan raya, pembangunan ICT, logistik, elauan petugas dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan termasuk keperluan peralatan COVID-19 dan mengambil kira pelaksanaannya mengikut garis panduan pencegahan COVID-19 bagi pelaksanaan pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL
KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi mempergiatkan benci di kawasan yang mana peratusan penduduk telah dibenci sangat rendah seperti di beberapa daerah di Sarawak dan Sabah iaitu Betong (25.4 peratus), Ranau (32.1 peratus) dan Tenom (33.4 peratus) setakat awal Oktober lalu?

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data operasi Banci 2020, peratusan penduduk dibanci bagi Sabah berbanding anggaran penduduk 2020 adalah 93.0 peratus. Pembancian merangkumi mod pembancian dalam talian (9.2%) dan bersemuka (83.8 %). Penduduk Sabah yang telah dibanci adalah 3.6 juta orang berbanding Banci 2010 (3.1 juta) dengan Purata Kadar Pertumbuhan Tahunan (CAGR) penduduk 1.5 peratus. Bilangan Tempat Kediaman adalah 751.6 ribu berbanding 576.8 ribu (Banci 2010).
2. Manakala bagi Sarawak peratusan penduduk dibanci berbanding anggaran penduduk 2020 adalah 81.6 peratus merangkumi mod pembancian dalam talian (15.5%) dan bersemuka (66.2%). Penduduk Sarawak yang telah dibanci adalah 2.3 juta orang berbanding Banci 2010 (2.4 juta) dengan Purata Kadar Pertumbuhan Tahunan (CAGR) penduduk -0.4 peratus. Bilangan Tempat Kediaman adalah 755.0 ribu berbanding 594.5 ribu (Banci 2010) dengan CAGR 2.7 peratus.
3. Sehingga 8 November 2021, pembancian yang telah selesai di daerah Ranau adalah sebanyak 90.1 peratus dan daerah Tenom di Sabah adalah sebanyak 77.3 peratus daripada anggaran penduduk. Sementara itu, daerah Betong telah mencapai pembancian sebanyak 54.6 peratus daripada anggaran penduduk.
4. Pembancian di beberapa daerah seperti di Sarawak dan Sabah iaitu Betong, Ranau dan Tenom agak rendah daripada daerah lain kerana operasi kerja luar di kawasan tersebut terpaksa ditangguhkan disebabkan peningkatan kes COVID-19. Penangguhan di kawasan itu juga atas nasihat daripada Pejabat Daerah, Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Bagi melengkapkan benci di kawasan tersebut, Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah seperti:

- i. Pertambahan kekuatan anggota Personel Mystep (PMS) di samping dibantu oleh pegawai tetap untuk melaksanakan operasi lapangan;
- ii. Membuat semakan semula di kawasan bersasar;
- iii. Membuat semakan menggunakan Data Pentadbiran dari agensi yang berkaitan;
- iv. Kerjasama berterusan dengan Kerajaan Negeri seperti Pegawai Daerah dan Ketua Komuniti setempat; dan
- v. Meningkatkan publisiti Banci Malaysia 2020 kepada masyarakat bagi Daerah berkenaan dan memberi penekanan untuk memberikan maklumat yang tepat dan lengkap.

Sekian, terima kasih.